

03 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Hubungan)

SAYA TETAP HORMATI ANWAR WALAUPUN DILIWAT, KATA AZIZAN

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa beliau tidak mempunyai masalah dan tetap menghormati Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang pemimpin walaupun selepas dirinya diliwat bekas timbalan perdana menteri itu.

Beliau berkata hubungannya dengan Anwar antara 1992 dan 1997 tidak mempunyai sebarang masalah dan beliau juga mesra dengan keluarga Anwar.

"Kadang-kadang antara tahun 1992 dan 1997, saya ada melawat Datuk Seri Anwar Ibrahim," kata Azizan, eksekutif pemasaran dan pentadbiran sebuah syarikat di Alor Gajah, Melaka pada perbincangan kes rasuah Anwar, 51, yang juga bekas menteri kewangan, di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Azizan, saksi ke-12 pendakwaan, semasa memberi keterangan pada pemeriksaan balas peguam Anwar, Christopher Fernando berkata beliau juga pernah meminjam wang daripada emak saudara Anwar.

Fernando: Setuju atau tidak pada Julai 1997, keadaan itu berubah?

Azizan: Saya tidak faham dengan perubahan yang dimaksudkan.

Fernando: Perubahan hubungan itu berlaku selepas kamu berjumpa dengan Ummi Hafilda pada Julai 1997 sehingga sanggup membuat tuduhan terhadap Anwar?

Azizan: Ya, setelah 30 Jun 1997, iaitu selepas Ummi Hafilda Ali memberitahu saya akan perbuatan kakak iparnya yang mungkin mempunyai hubungan sulit dengan Anwar.

Fernando: Betul atau tidak kalau dikatakan Ummi Hafilda yang menjadi faktor pengaruh kamu dalam hal ini?

Azizan: Tidak, saya tak setuju.

Beliau berkata keputusannya untuk mendedahkan perbuatan Anwar itu timbul setelah dimaklumkan oleh Ummi Hafilda mengenai kemungkinan Shamsidar mempunyai hubungan sulit dengan Anwar.

Fernando: Sebelum berjumpa dengan Ummi Hafilda, adakah kamu terfikir mengenai dakwaan itu?

Azizan: Benar. Sebelum saya bertemu Ummi saya tidak terfikir tentang dakwaan-dakwaan itu.

Ummi Hafilda ialah penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. Beliau juga merupakan adik Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar manakala Shamsidar ialah isteri Mohd Azmin.

Semasa mahkamah menanggungkan persidangan pada pukul 3.15 petang, Anwar kelihatan berbincang dengan Fernando dan seorang lagi peguamnya, S.N. Nair sebelum berbual-bual dengan anggota keluarganya dan orang ramai yang berada di dalam mahkamah.

Perbincangan disambung 9 pagi esok.

-- BERNAMA

NHD AHH NAK